

Air bawah tanah atasi krisis

LEDANG – Sumber air bawah tanah akan digunakan sebagai penyelesaian terhadap krisis bekalan air bersih di daerah ini berikutan jangkaan kemarau panjang yang akan melanda mulai Jun hingga September ini.

Ahli Parlimen Muar, Datuk Razali Ibrahim berkata, cadangan itu dikemukakan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah baru-baru ini sebagai persediaan jangka pendek menghadapi situasi tersebut.

Menurutnya, ia mendapat persetujuan Pegawai Daerah, Muji Salimon dengan menubuhkan pasukan khas melibatkan agensi berkaitan seperti Syarikat Air Johor (SAJ) dan Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS).

“Pasukan ini berperanan memberi maklumat awal bagi mengelakkan penduduk panik dengan masalah yang berlaku.

“Kemarau sebelum ini menyebabkan air minuman bertukar payau disebabkan kemasukan air laut ke kawasan tadahan air pada paras airnya yang semakin berkurangan,” katanya.

Razali berkata, sebolehnya beliau mahu mengelakkan

kejadian tersebut berulang kerana ia menimbulkan ketidakselesaan kepada penduduk.

Katanya, air bawah tanah akan dipam ke kawasan tadahan untuk meningkatkan kapasiti bekalan air bersih kepada penduduk.

“Kaedah lain yang boleh kita lakukan untuk menghadapi krisis ini untuk jangka masa panjang dengan membina empangan baru.

“Kita mungkin tidak pernah menyangka akan berhadapan masalah kemarau disebabkan negara ini mempunyai taburan hujan yang banyak sepanjang tahun,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, negara mempunyai 98 peratus air bawah tanah yang tidak pernah digunakan sedangkan bagi negara yang kekurangan air sudah terlebih dahulu menggunakan sumber tersebut.

“Ini satu kaedah (ambil air bawah tanah) yang tidak pernah difikirkan dan penggunaan sumber air bawah tanah lebih selamat berbanding air dari bekas lombong,” katanya.